

PM mahu Jepun berfungsi sebagai pemimpin

BH 13 DEC 2002
Daripada Mutazar Abd Ghani

TOKYO, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan Jepun supaya menjadi pemimpin dan bukan dipimpin mana-mana pihak dalam usaha mengembalikan suasana ketidaktentuan dunia masa kini ke landasan asal.

Perdana Menteri berkata, Jepun memiliki saiz, kekayaan dan teknologi bertaraf dunia untuk memainkan fungsi berkenaan, di samping keupayaannya muncul sebagai kuasa ekonomi kedua terpenting dunia selepas mengalami kehancuran dalam perang.

"Negara Asia Timur dan malahan dunia, memerlukan Jepun, kegigihan dan dedikasinya yang tinggi bagi menghadapi suasana dunia masa kini yang memalukan.

"Sebagai orang asing dari sebuah negara kecil, adalah tidak adil bagi saya untuk memberitahu Jepun apa yang sepatutnya ia lakukan dalam usaha untuk menjadi model bagi kami.

"Saya bukan cuba untuk menasihatkan anda. Tetapi, sekarang adalah masa yang kritikal. Banyak anda boleh lakukan, jika anda mengambil keputusan untuk tidak dipimpin, tetapi sebaliknya memimpin.

"Ia boleh membawa dunia kembali kepada keadaan sedia kala dan boleh juga memulihkan semula ekonomi dunia. Ini adalah cabaran kepada Jepun dalam dunia globalisasi, iaitu memimpin dan bukan dipimpin," katanya dalam uaputama bertema Cabaran Jepun Dalam Dunia Globalisasi pada seminar sempena ulang tahun ke-20 Dasar Pandang Ke Timur di sini, hari ini.

Pada majlis yang dihadiri kira-kira 400 peserta, Perdana Menteri menegaskan penyalahgunaan sistem perdagangan bebas, sikap tamak tanpa batas, ketidakupayaan dan ketidakcekapan menangani masalah, menyebabkan dunia kini kehilangan arah.

Malah, katanya, globalisasi kini dilihat hanya menjaga kepentingan negara kaya dan mengabaikan negara kecil.

Dr Mahathir berkata, berikutan masalah ekonomi yang dihadapi Jepun sejak lebih sedekad lalu, negara yang memandangkan ke Timur tidak lagi mendapat bimbingan negara itu.

Katanya, satu daripada faktor yang menyebabkan Jepun tidak berupaya pulih daripada masalah yang dihadapi ialah keengganan rakyatnya untuk berbelanja.

Malaysia, katanya, berupaya meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan membayar bonus kepada kakitangan awam dan mengawal harga barang, terutama menjelang musim perayaan yang

Globalisasi perlu dilaksana secara baik BH 13 DEC 2002 DARI MUKA 1

menyaksikan orang ramai membajiri kompleks beli-belah.

"Kita faham keinginan rakyat Jepun terhadap sistem Barat. Tetapi, apabila sistem tiba-tiba diubah, walaupun untuk kebaikan, ia akan meninggalkan kesan ketara.

"Lebih baik kekal pada sistem yang sudah terbukti berjaya dan diterima baik oleh rakyat. Ini termasuk membolehkan negara itu mengalami pembangunan menakjubkan selepas musnah akibat perang dan muncul sebagai kuasa ekonomi kedua terpenting dunia," katanya.

Mengenai globalisasi, Dr Mahathir berkata, semua negara menyokong sistem berkenaan, tetapi ia perlu dilaksanakan secara baik, dengan mengambil kira kepentingan semua negara.

Katanya, setakat ini hanya ada sedikit input dari negara Asia Timur dan itu pun tidak diberi perhatian oleh dunia.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, negara Asia Timur perlu bekerjasama dan memerlukan kepimpinan.

"Ini adalah cabaran kepada Jepun untuk memikul tanggung jawab berkenaan. Ketenteraan mungkin masih lagi penting, tetapi hari ini perang ekonomi lebih penting daripada ketenteraan," katanya.

Beliau berkata, masyarakat dunia kini hidup dalam era ketakutan kerana bimbang penganas bertindak balas secara membabi buta.

"Kita perlu jalankan perniagaan. Kita miliki semua teknologi canggih yang menjanjikan kekayaan kepada dunia, tetapi kita tidak berupaya mengeksplorasinya. Apa gunanya kita punya sistem perdagangan bebas, jika kita tidak boleh pergi ke seluruh dunia untuk jalankan perniagaan," katanya.